



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

SIARAN MEDIA

KAWALAN SAIZ PERKHIDMATAN AWAM : KAKITANGAN KERAJAAN SEDIA ADA TIDAK DIBERHENTIKAN

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menegaskan bahawa kawalan saiz perkhidmatan awam bagi tempoh 3 tahun mulai 2019 hingga 2021 tidak akan melibatkan pemberhentian penjawat awam (pengisian sedia ada). Ia hanya akan melibatkan jawatan yang tidak diisi (perjawatan) melebihi tempoh 2 tahun.

Pelaksanaan kaedah kawalan saiz perkhidmatan awam adalah melalui:-

- Penswastan (Privatisation)
- Penyusunan semula perjawatan (Redeployment)
- Serah urus fungsi (Outsourcing)
- Penyampaian perkhidmatan alternatif (Alternative Service Delivery)
- Automasi
- Pengisian jawatan secara berhemah mengikut keperluan

Pelaksanaan tersebut tidak memberi implikasi pengisian jawatan bagi sektor kritikal seperti kesihatan, pendidikan dan keselamatan. Selain itu, proses penggantian pegawai yang berpencen masih diteruskan. Kawalan saiz perkhidmatan awam dilaksanakan bagi memastikan sumber manusia dapat dioptimumkan.

#####

DATUK SERI BORHAN BIN DOLAH
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
13 Mac 2019

No. Ruj. : JPA.100-9/1/2 (26)